



Kertas 1

1. Pernyataan berikut berkaitan dengan pengertian kemerdekaan.

ADAM
TIPS
234

Kedaulatan dan kekuatan sesebuah negara adalah untuk membebaskan diri daripada penjajah Barat. Kedaulatan sesebuah negara adalah dengan menghidupkan sistem khalifah dan menghapuskan ikatan perkauman.

- A Soekarno
B Rashid Rida
C Nelson Mandela
D Mahatma Gandhi

2. Apakah pengertian kemerdekaan mengikut Tun Dr. Mahathir Mohamad?

ADAM
TIPS
235

- I Bebas daripada penjajah
II Menyayangi negara sepenuh hati
III Pertempuran terhadap penindasan
IV Membentuk masyarakat demokratik
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Apakah peranan utama Jawatankuasa Persediaan Fizikal?

ADAM
TIPS
236

- A Menonjolkan identiti negara
B Memastikan atur cara lancar
C Menghias ibu kota dan negeri
D Mempromosi majlis sambutan

4. Pakaian menteri dan pegawai tinggi diilhamkan oleh Tunku Abdul Rahman daripada pakaian negeri Kedah, iaitu

ADAM
TIPS
237

- A baju muskat
B baju kurung
C baju Melayu
D baju telok belanga

5. Peristiwa berikut berlaku pada jam 12 tengah malam, 30 Ogos 1957.

ADAM
TIPS
238



Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada rakyat Tanah Melayu?

- A Mengamalkan amalan demokrasi
B Menonjolkan identiti negara merdeka
C Menandakan berakhirnya penjajahan British
D Merintis langkah ke negara maju dan makmur

6. Mengapakah Pasukan Pemuda Perikatan mengkalungkan Pingat Emas kepada Tunku Abdul Rahman?

ADAM
TIPS
239

- A Menghargai jasa
B Menghormati ketua parti
C Mematuhi protokol sambutan
D Membuktikan kekayaan hasil bumi

7. Apakah tujuan Tunku Abdul Rahman membacakan Pemasyhuran Kemerdekaan di Stadium Merdeka?

ADAM
TIPS
240

- A Mengisytiharkan kemerdekaan negara
B Membuktikan penyerahan kuasa British
C Memberitahu syarat-syarat kemerdekaan
D Meraikan kedatangan Duke of Gloucester

8. Apakah kesan kemerdekaan dari aspek politik?

ADAM
TIPS
242

- I Pemerintahan republik
II Sistem Raja Berperlembagaan
III Pemerintahan Demokrasi Berparlimen
IV Pembentukan parti politik berbilang kaum
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9. Apakah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai selepas Tanah Melayu Merdeka?

ADAM
TIPS
243

- A NATO
B Komanwel
C Kuasa Paksi
D Liga Bangsa-bangsa

10. Gambar berikut menunjukkan logo Jabatan Penerangan.

ADAM
TIPS
245



Apakah tujuan penubuhan jabatan tersebut?

- A Menyampaikan maklumat
B Menyiarkan rancangan hiburan
C Menyebarkan propaganda kerajaan
D Mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu